

LOGO DAN NAMA SEKOLAH

**PENILAIAN BERSAMA PERCUBAAN TAHUN 2007
TINGKATAN 5**

PERDAGANGAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kakulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

- 1 Antara berikut, yang manakah merujuk kepada keperluan rohani mengikut Abraham Maslow?
 - A Mendapat pendidikan tinggi
 - B Sentiasa dihormati di tempat kerja
 - C Mendapat perlindungan daripada polis
 - D Menikmati kemudahan kesihatan yang mencukupi

- 2 Pak Mat telah menjadi nelayan sejak 10 tahun yang lalu. Hasil tangkapan ikannya dijual ke pasar besar Temerloh.

Dalam bidang pengeluaran yang manakah beliau terlibat?

- I Ekstraktif
- II Perkilangan
- III Perniagaan
- IV Khidmat langsung

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- 3 Antara berikut, yang manakah kesan pengkhususan dalam pengeluaran terhadap pengeluar?

- A Dapat membuat kerja berdasarkan kemahiran
- B Pekerja menjadi lebih mahir dan cekap
- C Taraf hidup pengguna meningkat
- D Menikmati ekonomi bidangan

- 4 Apakah hubungan antara perdagangan dan perniagaan dalam proses pengeluaran?

- A Membantu proses mencipta nilai faedah dalam kehidupan manusia
- B Mendapat keuntungan dalam urusan jualan dan belian barangan
- C Mencapai pengeluaran maksimum dalam proses pengeluaran
- D Mewujudkan lebihan barangan


- 5 Antara berikut, pekerjaan yang manakah terlibat dalam perdagangan?

- I Encik Isa bertugas sebagai pengurus pinjaman di Bank Pertanian Malaysia Berhad
- II Encik Farid bertugas sebagai Pegawai Pertanian di Pekan
- III Encik Lim menjalankan perniagaan pasar mini di Maran
- IV Cik Sally menjadi penyelia di kilang tepung

- A I dan III

- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

6 Gambar berikut menunjukkan agihan sejenis keluaran.



Apakah jenis saluran agihan yang sesuai digunakan dalam perniagaan di atas?

- A Pengeluar----- Pemborong----- Peruncit-----Pengguna
- B Pengeluar----- Pemborong----- Pengguna
- C Pengeluar-----Ejen-----Pengguna
- D Pengeluar----- Ejen---Peruncit-----Pengguna

7 Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi peruncit besar-besaran kepada pengguna?

- I Memberi kredit kepada semua pengguna
- II Menyediakan pelbagai jenis barang
- III Memberi khidmat menghantar barang
- IV Membeli secara pukal untuk kebaikan pengguna

- A I dan II

- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

8 Pernyataan di bawah berkaitan dengan seseorang pemborong.

- Membeli secara pukal
- Menanggung risiko ke atas barang yang telah dibeli
- Mengagihkan barang yang dibeli ke merata tempat

Siapakah pemborong itu?

- A Jober para
- B Pemborong saudagar
- C Pemborong bayar dan bawa
- D Pemborong pesanan berwakil

9 Antara berikut, yang manakah bukan faktor wujudnya perniagaan antarabangsa?

- A Perbezaan sumber alam semula jadi
- B Persamaan tingkat teknologi
- C Perbezaan kos pengeluaran
- D Perhubungan diplomatik

10 Penerangan berikut adalah berkenaan suatu dokumen perniagaan antarabangsa.

Dokumen yang dihantar oleh pengeksport kepada pengimport untuk mengesahkan kebenaran telah diperolehi daripada kerajaan negara pengimport untuk membenarkan barang dihantar ke negara pengimport.

Apakah dokumen tersebut?

- A Inden
- B Sijil Asal Usul
- C Invois konsular
- D Invois Eksport

11 Antara berikut, dokumen yang manakah yang perlu disediakan oleh pengeksport bagi memudahkan pemeriksaan kastam?

- I Invois Konsular
- II Invois Eksport
- III Sijil Asal Usul
- IV Polisi Insurans

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

12 Berikut adalah maklumat tentang program yang membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

- Menyediakan pelbagai skim seperti Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian dan bantuan khidmat nasihat tentang teknologi.
- Menyediakan pakej galakan pelaburan.

Namakan program tersebut.

- A Rangkaian Industri
- B Pembangunan Pemasaran
- C Pembangunan Infrastruktur
- D Penyelidikan dan Pembangunan

13 Gambar berikut menunjukkan produk yang dihasilkan oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS).



Bidang Industri Kecil dan Sederhana yang manakah menghasilkan produk di atas?

- A Industri komponen elektrik dan elektronik
- B Industri komponen automatif
- C Industri berasaskan sumber
- D Industri berasaskan logam

14 Antara berikut, yang manakah benar tentang syarikat sendirian berhad?

- I Pemegang syer menanggung liabiliti tidak terhad
 - II Modal disumbangkan mengikut kadar yang ditetapkan dalam perjanjian
 - III Bilangan pemegang syer sekurang-kurangnya 50 orang
 - IV Keuntungan perniagaan dibahagi kepada pemegang syer dalam bentuk dividen
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV

- D III dan IV
- 15 Pentadbiran sebuah koperasi dikawal dan ditadbir oleh
- A pekerja syarikat
 - B ahli lembaga pengarah
 - C pemegang-pemegang syer
 - D pemiutang-pemiutang syarikat
- 16 Maklumat berikut menunjukkan suatu situasi.

JABATAN TELEKOM--bertukar kepada--SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA BHD

Apakah kelebihan atas perubahan tersebut?

- I Perkembangan ekonomi yang lebih pesat
 - II Mengurangkan perbelanjaan kerajaan
 - III Peningkatan harga barang dan perkhidmatan
 - IV Penggunaan masa lebih cekap dan berkualiti
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 17 Antara berikut, yang manakah benar tentang kadar dividen syer biasa?
- A Kadar dividen telah ditetapkan semasa syer tersebut diterbitkan
 - B Kadar dividen tidak tetap semasa syer tersebut diterbitkan
 - C Kadar dividen rendah jika syarikat memperolehi untung
 - D Kadar dividen tinggi jika syarikat memperolehi rugi
- 18 Pn Dahlia menyimpan RM35 000 dalam Akaun Simpanan Tetap di sebuah bank pada 31 Mac 2007. Bank menawarkan kadar faedah seperti berikut:
- 1 – 3 bulan 2.5%
 - 3 – 6 bulan 3%
 - 6 – 12 bulan 4%
 - 12 – 60 bulan 6%

Jika Pn Dahlia mengeluarkan simpanannya pada 31 Disember 2007, berapakah faedah yang akan diterima?

- A RM1400
- B RM1167
- C RM2100
- D RM1050

19 Apakah pulangan yang diperolehi apabila melabur dalam amanah harta tanah?

- A Sewa
- B Bonus
- C Faedah
- D Dividen

20 Antara berikut, yang manakah bank badan berkanun?

- A Malayan Banking Berhad
- B Aseambankers Malaysia Berhad
- C Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- D Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad

21 Rajah berikut menunjukkan sekeping cek yang diterima oleh Safira bt Abdullah.

Malayan Banking Bhd Jalan Hj Abd Aziz Kuantan		Tarikh :24.02.2007	
Bayar :	Safira Bt Abdullah	ATAU PEMBAWA	
Ringgit:	Satu Ribu sahaja	<table border="1"><tr><td style="text-align: center;">RM1000</td></tr></table>	RM1000
RM1000			

<i>Baizura</i>
010481-25-01784-80005805-01

Apakah yang perlu dilakukan oleh penerima cek ini?

- A Cek boleh ditunaikan di mana-mana kaunter bank
- B Cek boleh ditunaikan di kaunter bank pesuruh bayar
- C Cek dimasukkan ke dalam akaun sesiapa membawa cek ini
- D Cek hanya boleh dimasukkan ke dalam akaun penerima cek sahaja

22 Berikut ialah kemudahan pembiayaan secara Islam.

- Bank akan membeli asset yang diperlukan oleh pelanggan
- Bank akan menyewakan kepada pelanggan
- Bank akan menjualkan asset itu kepada pelanggan pada masa yang tertentu

Apakah kemudahan pembiayaan ini?

- A Bai Bithaman Ajil
- B Qardhul Hassan
- C Bai At Takjiri
- D Ijarah

23 Pernyataan berikut berkaitan dengan seorang pembeli polisi insurans.

Encik Isa memiliki sebuah kereta. Kereta tersebut musnah akibat kemalangan. Beliau dibayar ganti rugi sebanyak RM15 000. Kereta tersebut dijual dengan nilai RM5 000. Encik Isa tidak berhak menuntut RM5 000 kerana hak tersebut dipindah kepada insurer.

Prinsip yang manakah mewakili pernyataan itu?

- A Subrogasi

- B Sumbangan
C Doktrin sebab hampiran
D Kepentingan boleh insurans
- 24 Antara berikut, jenis skim insurans yang manakah diuruskan oleh PERKESO?
- I Skim Pencen Ilat
II Skim Bencana Pekerjaan
III Skim Bencana Kemalangan
IV Skim Pencen Pekerjaan
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 25 Cik Janah ingin membeli insurans kemalangan.
Apakah prosedur yang betul dalam membeli polisi insurans tersebut?
- I Mengisi borang cadangan dengan mengemukakan risiko yang hendak diinsuranskan
II Mendapat nota lindungan setelah borang cadangan diluluskan
III Mendapat polisi insurans dan nota lindungan dibatalkan
IV Menghubungi insurer/ejen untuk mendapatkan maklumat
- A II, I, IV dan III
B II, IV, I dan III
C IV, II, I dan III
D IV, I, II dan III
- 26 Mengapakah penggunaan saluran paip adalah mahal?
- I Kos pemasangan adalah rumit adalah rumit dan tinggi
II Penggunaan terhad setakat bahan cecair sahaja
III Persaingan yang hebat antara banyak syarikat petroleum
IV Masalah kebocoran/ rosak memerlukan kos yang tinggi untuk membaikinya
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV

D II, III dan IV

27 Antara berikut, yang manakah bukan persamaan di antara pengangkutan rel dan pengangkutan laut?

- A Kedua-duanya mengenakan tambang yang mahal untuk jarak jauh
- B Kedua-duanya mempunyai ruang muatan yang luas
- C Kedua-duanya tiada serahan dari pintu ke pintu
- D Kedua-duanya dapat digunakan secara terhad

28 Gambar berikut merujuk kepada barang yang hendak dihantar dari Malaysia ke London.



Nyatakan jenis pengangkutan mana yang sesuai dan sebab menggunakan pengangkutan tersebut.

- A Udara – tambang mahal tapi sesuai untuk barang yang diperlukan segera dan segar
- B Laut – tambang murah kerana kos penyelenggaraan rendah
- C Rel – tambang murah untuk perjalanan jauh
- D Jalan raya – serahan pintu ke pintu

29 Antara berikut, yang manakah bukan peranan komunikasi dalam perniagaan?

- A Memudahkan perjalanan perniagaan
- B Mengurangkan risiko kerosakkan barang
- C Memudahkan aktiviti mempromosikan barang
- D Membolehkan pasaran tempatan diperluaskan

30 Apakah perkhidmatan yang diperlukan oleh syarikat korporat apabila memerlukan perkhidmatan seperti percetakan, pembungkusan dan pengeposan dokumen?

- A Bahan bercetak
- B Mel berinsurans
- C Peket kecil
- D Datapos

31 Mengapakah gudang berbon penting kepada peniaga?

- A Membantu menstabilkan harga
 - B Membantu untuk menanggukkan pembayaran duti
 - C Membantu untuk mendapatkan maklumat tentang barang import dan eksport
 - D Membantu dalam penggubalan dasar untuk menyelaraskan import dan eksport
- 32 Antara berikut, yang manakah menerangkan ciri-ciri gudang yang baik?
- I Mempunyai peralatan yang canggih
 - II Mempunyai reka bentuk, susun atur yang kemas
 - III Mempunyai pengurusan komunikasi yang professional
 - IV Mempunyai ruang yang luas dan mencukupi
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 33 Cogan kata yang manakah merujuk kepada pujukan rasional?
- A Gunalah ubat gigi Suri untuk gigi yang lebih bersih dan senyuman yang menawan
 - B Pakailah topi keledar, ingatlah orang yang tersayang
 - C Minuman Juwita diperkaya dengan vitamin C
 - D Bersama-sama membantu mangsa banjir
- 34 Bagaimana jualan terus membantu meningkatkan jualan peniaga?
- I Membolehkan interaksi dua hala diwujudkan dan boleh mempengaruhi pengguna membeli
 - II Membolehkan pengguna melihat, memeriksa dan mencuba barang
 - III Membolehkan liputan pasaran secara meluas
 - IV Membolehkan menangani pesaing
- A I dan II
 - B I dan IV

- C II dan III
D II dan IV
- 35 Kedai Butik Nurulain yang beroperasi di Megamall Kuantan ingin menjalankan promosi secara berterusan, media yang manakah sesuai digunakan oleh kedai butik tersebut?
- A Peragaan tingkap
B Halaman kuning
C Risalah
D Poster
- 36 Antara berikut, agensi manakah yang membantu dalam latihan dan pengurusan?
- I Perbadanan Pembangunan Multimedia(MDC)
II Perbadanan Produktiviti Negara(NPC)
III Majlis Amanah Rakyat(MARA)
IV Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana(SMIDEC)
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 37 Berikut adalah undang-undang yang dilaksanakan oleh kerajaan.
- . Melindungi pengguna daripada penyelewengan dilakukan oleh pengeluar dari segi memberi maklumat palsu tentang produk
- Antara berikut, akta yang manakah berkaitan?
- A Akta Jualan Barangan 1957
B Akta Jualan Langsung 1993

- C Akta Perihal Dagangan 1972
D Akta Hak Cipta 1987
- 38 Cik Anis telah membeli sebuah televisyen bernilai RM3 500. Setelah diguna selama 3 hari, barang tersebut rosak. Beliau cuba memulangkan balik barang tersebut tetapi penjual enggan menerima.
- Agensi manakah yang boleh menolong Cik Anis?
- A Mahkamah Sivil
B Persatuan Pengguna
C Tribunal Tuntutan Pengguna
D Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna Kebangsaan
- 39 Antara berikut, pembeli manakah yang mematuhi Etika Amalan Perniagaan?
- I Pn Susan membayar tepat pada masa seperti dalam syarat kontrak
II Encik Samy tidak menawar harga sehingga merugikan penjual
III Cik Zura menggunakan barang yang dikitar semula
IV Cik Siti memulangkan barang rosak selepas tamat tempoh syarat waranti
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 40 Antara yang berikut, manakah bukan cara bijak apabila merancang pembelian ?
- A Menentukan masa untuk membeli
B Membuat senarai mengikut keperluan
C Memilih kedai yang menjual barang berkualiti
D Membeli barang sekunder untuk memenuhi kepuasan

KERTAS SOALAN TAMAT

